



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH  
PEJABAT SEKRETARIAT  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Email* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

12 Jun 2024

## **KENYATAAN MEDIA YB PENERUSI PAC BERHUBUNG LAWATAN KERJA DAN PROSIDING TINDAKAN SUSULAN PEMBANGUNAN HARTANAH LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA).**

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) hari ini, selesai mengadakan Prosiding Tindakan Susulan Kementerian Kewangan dan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) terhadap syor laporan PAC berhubung isu berkenaan.
2. Dalam prosiding selama lebih 3 jam bermula jam 10 pagi yang diadakan di Langkawi, PAC telah mendengar keterangan dan penjelasan daripada YBhg Datuk Dr Shahrazat Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) Kementerian Kewangan dan YBhg Datuk Haslina Abdul Hamid, Ketua Pegawai Eksekutif LADA.
3. “MOF dan LADA telah memberikan keterangan serta penjelasan yang terperinci bagi lima (5) syor yang dikemukakan dalam Laporan PAC berkenaan,” katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.
4. Sempena prosiding berkenaan, LADA telah mengatur satu lawatan kerja sehari setengah bagi membolehkan Jawatankuasa ini meninjau dan melihat sendiri tindakan susulan yang telah diambil agensi berkenaan terhadap syor-syor berkenaan yang terkandung dalam Laporan PAC yang telah dibentangkan di Parlimen pada 19 Mac 2024.
5. “Hasil lawatan kerja serta penjelasan dan keterangan daripada saksi dalam prosiding tindakan susulan berkenaan, PAC mengambil maklum usaha positif yang diambil LADA dan MOF bagi memastikan Langkawi terus menjadi destinasi geo-pelancongan (geotourism) utama di rantau ini sekaligus menjadi tumpuan pelancong dunia.

6. Malah, PAC turut dibawa melawat produk-produk pelancongan baharu selain dimaklumkan perancangan masa depan LADA untuk memperhebatkan promosi Langkawi termasuk menyediakan kemudahan-kemudahan awam yang baharu.
7. Mengulas mengenai isu hartanah Hotel St. Regis dan Kampung Tok Senik, PAC mengambil maklum setiap penjelasan dan keterangan yang diberikan saksi terhadap kedua-dua isu berkenaan.
8. PAC akan memberikan ulasan pada setiap maklum balas MOF dan LADA terhadap lima syor berkenaan termasuk dengan isu Hotel St. Regis serta Kampung Tok Senik.
9. Laporan Tindakan Susulan ini, dijangka dibentangkan di Parlimen pada pada 27 Jun 2024 dalam Mesyuarat Kedua Dewan Rakyat yang akan bersidang bermula 24 Jun 2024 dan orang ramai boleh membaca dalam laporan ini dalam laman web PAC di [www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac).
10. Dalam Mesyuarat Kedua Dewan Rakyat ini, PAC dijangka akan membentangkan lagi tujuh laporan membabitkan tiga (3) PAC serta empat (4) Laporan Tindakan Susulan termasuk Laporan Tindakan Susulan LADA.
11. Dalam perkembangan lain, PAC akan memulakan prosiding membabitkan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) pada 20 Jun 2024 dengan memanggil Kementerian Pertahanan dan pengurusan tertinggi LTAT.

Sekian, terima kasih.

**YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin**  
**Pengerusi PAC Parlimen**